**KETUA SETIAUSAHA**
***SECRETARY GENERAL***
**Kementerian Pengajian Tinggi**
***Ministry of Higher Education***
Aras 17, No. 2, Menara 2, Jalan P5/6
Presint 5, 62200 PUTRAJAYA

Tel : 03-8870 5051
Faks : 03-8870 6806
Laman Web : www.mohe.gov.my

Rujukan kami: JPT(A)1000/001/019/01JLD.23(43)
Tarikh : 9 Februari 2021

**SEPERTI SENARAI EDARAN**

YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof./Ts.,

**KEMASUKAN SEMULA PELAJAR KE KAMPUS SECARA FIZIKAL BERMULA 1 MAC 2021**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti yang YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof./Ts. sedia maklum, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah mengeluarkan kenyataan media pada 31 Januari 2021 berkenaan Kemasukan Semula Pelajar ke Kampus Secara Fizikal bermula 1 Mac 2021. Selaras dengan pengumuman tersebut, KPT ingin menjelaskan bahawa kemasukan pelajar ke semua Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) merangkumi Universiti Awam (UA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), Politeknik dan Kolej Komuniti akan dilaksanakan bagi **enam (6) kategori pelajar berkeperluan** seperti berikut:

i. Pelajar dari program pengajian peringkat Sijil, Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Pasca Siswazah yang **memerlukan praktikal, makmal, klinikal, latih amal, studio, bengkel dan peralatan khas**;

ii. Pelajar yang **tidak mempunyai akses dan persekitaran tidak kondusif** bagi melaksanakan PdP dalam talian;

iii. Pelajar **Asasi atau Setara dan Diploma yang sedia ada di kampus** boleh meneruskan pembelajaran secara hibrid;

iv. **Semua pelajar antarabangsa sedia ada dan baharu** kecuali dari United Kingdom;

v. Pelajar **Berkeperluan Khas (OKU)**; dan

vi. Pelajar yang menduduki **peperiksaan *Malaysia University English Test* (MUET), antarabangsa dan badan profesional**.

3. Selain dari itu, Kementerian turut mengumumkan bahawa kemasukan pelajar ke kampus IPT di Sabah dan Sarawak serta kemasukan pelajar dari Sabah ke Semenanjung yang diwajibkan menjalani **Ujian *Swab* akan dibiayai oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)**.

4. Manakala bagi pelajar yang **tiba di Sarawak**, pelajar **diwajibkan menjalani kuarantin** selama 14 hari di lokasi yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri sebelum dibenarkan pulang ke kampus masing-masing. Sepanjang tempoh tersebut, **kos kuarantin** termasuk makan dan minum **akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri Sarawak**.

5. KPT ingin menegaskan bahawa kemasukan pelajar berkeperluan adalah **bermula pada 1 Mac 2021** dan perlu dilaksanakan **secara berfasa** mengikut kesesuaian kalendar IPT masing-masing. Justeru,

setiap IPT disaran untuk membuat anjakan tarikh kemasukan pelajar sekiranya perlu. Langkah ini bagi mengelakkan isu berbangkit berhubung tanggungan kos Ujian *Swab* oleh KKM dan kos kuarantin oleh Kerajaan Negeri Sarawak.

6. Sehubungan itu, KPT menggesa agar pihak YBhg.Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof./Ts. **mengenal pasti pelajar** dan membuat perancangan kemasukan pelajar secara teliti dan komprehensif. Pihak institusi dikehendaki **mengeluarkan surat panggilan kemasukan** kepada pelajar yang terlibat bagi membolehkan pelajar membuat persediaan awal. IPT juga perlu **melampirkan surat ini bersama-sama surat panggilan kemasukan** bagi memudahkan urusan pergerakan pelajar.

8. YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof./Ts adalah bertanggungjawab memastikan **pematuhan SOP** yang ketat dilaksanakan di institusi berdasarkan SOP yang telah ditetapkan. Justeru, bersama-sama ini dilampirkan panduan melaksanakan kemasukan pelajar untuk rujukan pihak institusi:

i. **Lampiran A: Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Pusat Pengasingan IPT**
ii. **Lampiran B: Carta Alir Pergerakan Pelajar ke Kampus**
iii. **Lampiran C: Soalan Lazim *(FAQ)***

9. Selaras dengan itu, KPT menggesa agar pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/Dato'/ Prof./Ts. memperkemas **pelan komunikasi** di peringkat institusi masing-masing bagi memastikan maklumat dan tatacara

kemasukan dapat disampaikan dengan jelas kepada pelajar dan semua warga IPT. Seterusnya, memastikan proses kemasukan pelajar dan pengoperasian institusi dilaksanakan dengan lancar dan berkesan bagi menjamin keselamatan warga kampus keseluruhannya.

10. Perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof./Ts. berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"** Salam Hormat.

Saya yang menjalankan amanah,

**(DATUK SERI DR. MAZLAN YUSOFF)**

**s.k.**

YB Menteri Pengajian Tinggi

Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi